

Amalan Perubatan Tradisional Etnik Bajau Ubian di Kudat, Sabah: Penelitian

Terhadap Kaedah Perubatan Tawal

ABSTRACT

Artikel ini mengupas tentang amalan perubatan tradisional upacara Tawal oleh masyarakat Bajau Ubian di Kudat, Sabah. Amalan perubatan tradisional merupakan salah satu alternatif perubatan bagi mengubati jenis penyakit ringan dan biasa seperti demam, gigitan serangga berbisa, sawan dan lain-lain. Upacara Tawal juga dipercayai dapat mengubati sebarang penyakit yang disebabkan oleh sihir dan gangguan makhluk halus. Upacara ini masih diamalkan oleh sebahagian kecil masyarakat Ubian di Kudat kerana mempercayai akan keberkesanan upacara ini dalam mengubati penyakit. Kaedah kajian ini menggunakan medium kajian perpustakaan dan temu bual langsung kepada pengamal perubatan tawal atau juga dikenali sebagai Tukang Tawal. Kajian ini diharap dapat memberi pendedahan kepada masyarakat dan menjadi satu dokumentasi penting kepada pengekalan warisan budaya masyarakat Bajau Ubian.